

NAMA ARTIS:

- 1) Muhammad Syafiq Kholid
- 2) Aufa Nabila Jafri

TYPE: Art Performance**MEDIA:** Basikal tua, bekas penyimpanan makanan, loceng, kuih-muih, ink stamp**ARTIST STATEMENT**

Projek seni komuniti ini mengetengahkan isu kesan pandemik terhadap ekonomi dan masyarakat setempat melalui ‘informal education’ dalam bentuk penyampaian ‘art performance’. Konsep projek ini adalah bersandarkan seni komuniti yang akan melibatkan masyarakat setempat iaitu komuniti pembuat kuih & komuniti PPR (perumahan rakyat) yang megalami kesusahan di sekitar Seksyen 7, Shah Alam, Selangor. Malah, projek ini dapat menambah nilai dan input yang positif sekaligus memberi pendedahan kepada komuniti setempat mengenai seni pengkaryaan itu sendiri. Proses memberi tempahan kuih melibatkan kelompok peniaga kecil yang terjejas pendapatan seterusnya memberi dan berkongsi rezeki kepada golongan yang memerlukan ini kami ertikan sebagai **Community** manakala proses pengkarya dari mula memberi tempahan kuih, mengayuh basikal ke kawasan PPR, berinteraksi dengan mereka; kami ertikan sebagai satu proses **Performances** dan input yang mereka dapat adalah **Informal Education**. Manakala output yang diperolehi iaitu cap jari mereka adalah **Art** sebagai tanda sokongan mereka terhadap projek komuniti ini. Seluruh proses ini akan dirakam video dan diambil gambar untuk tujuan dokumentasi dan dipamerkan.

RANGKA KERJA/PROPOSAL BMS 2021 SENI DI LOKASI:

PERKARA	GERAK KERJA	TINDAKAN	PENGLIBATAN	TEKNIKAL	ALAT DAN BAHAN
Tajuk Projek/ Karya	CEMILAN PETANG, 2021		<ul style="list-style-type: none"> Dua orang pengkarya (Syafiq & Aufa) 		<ul style="list-style-type: none"> Basikal tua Bekas penyimpanan Loceng Kuih-muih Ink stamp
Latar Belakang Projek (what)	Projek seni ini merupakan hasil gabungan idea dua orang pengkarya yang mengetengahkan isu kesan pandemik kepada ekonomi dan masyarakat setempat melalui 'informal education' dalam bentuk penyampaian 'art performance'.	<ul style="list-style-type: none"> Olahan projek seni komuniti 			
Konsep Idea (What)	<p>Projek ini akan mengetengahkan konsep:</p> <p>Performance (artist) – Community – Informal Education-Art (fingerprint)</p> <p>Gambar rajah:</p> <pre> graph TD Arts((Arts)) --> Tajuk[Tajuk karya Cemilan Petang] Community((Community)) --> Tajuk InformalEd[Informal Education] --> Tajuk Performances((Performances)) --> Tajuk Arts --- SocialMedia[Technique of printmaking -symbol of identity -influence of 'social media' as in the 'likes' Dapatkan cecair jari (fingerprints) dari komuniti PPR sebagai tanda sokongan ('likes') kepada pengkaryaan kita] Arts --- Media[The Art of Giving The Art of Receiving SDG 3 (good health, well-being) & 13 (climate action) Sesar idea langsung menyampaikan mesaj positif kepada komuniti setempat] Community --- Economic[Economic Engaged communication Memberi mereka happy & ease their burden (psychologically) Menambah sembahut kuih yg terbiasa, mendekati dan Meninjau komuniti di PPR, seterusnya Shah Alam, Cawangan Seksyen 7 dan seterusnya] InformalEd --- Printmaking[Execute the idea of going around with an old bicycle and giving out the kuih-muih Menari basikal ke komuniti PPR dan memberikan kuih kepada mereka] Performances --- Printmaking </pre>	<p>Masa: waktu petang</p> <p>Waktu orang pulang kerja, masa bersantai dan minum petang (kuih).</p> <p>Mudah menarik perhatian orang</p> <p>Mengambil cap jari mereka sebagai tanda sokongan</p>	<ul style="list-style-type: none"> Dua pengkarya, 10 pembuat kuih & 100 komuniti PPR 	<p>Bergerak dari kediaman pengkarya dan melawati kawasan PPR di sekitar Seksyen 7, Shah Alam</p>	<ul style="list-style-type: none"> Basikal tua Bekas penyimpanan Loceng Kuih-muih Ink stamp

Cerita/ Content (why)	<ul style="list-style-type: none"> • Education • Economic • Social <p>Basikal tua = gambaran bahawa ekonomi yang terjejas teruk disebabkan pandemik menjelaskan pendapatan/mata pencarian rakyat yang tidak mampu untuk memiliki kenderaan seperti motor & kereta.</p> <p>Kuih-muih = walaupun harganya murah tidak mampu menjadi makanan harian/ dinikmati setiap hari untuk sesetengah orang terutama golongan susah/miskin (ekonomi)</p> <p>cap jari (fingerprints) = gambarkan sebagai identity komuniti di situ sebagai tanda sokongan (likes) kepada projek ini.</p> <p>Ini juga sebagai satu simbol fenomena pengaruh media sosial yang mana sudah menjadi trend warganet/netizen untuk mengumpul 'likes' setelah memuatnaik gambar atau video mereka di laman sosial. Walaupun dalam situasi negara yang tidak stabil, rakyat masih bersatu (unity) membantu satu sama lain, sesuai dengan hashtag #KitaJagaKita.</p>	Menggunakan basikal tua untuk bergerak ke kawasan PPR dan memberi kuih sebagai pertukaran kepada cap jari komuniti setempat.	<ul style="list-style-type: none"> • Dua pengkarya, • 100 komuniti PPR 		<ul style="list-style-type: none"> • Basikal tua • Bekas penyimpanan • Loceng • Kuih-muih • Ink stamp
Bentuk Karya & Lokasi (when & how)	Lokasi cadangan: Seksyen 7, Shah Alam Selangor. Antara sebab-sebab yang lain: i. Bandar/Urban ii. Ekonomi iii. Pusat ilmu Sebarang perubahan tempat/plan projek akan bergantung kepada situasi semasa (LOCKDOWN).	Bergerak sekitar PPR dan kawasan komuniti yang kesusahan sambil mendedahkan mereka kepada seni pengkaryaan projek ini	<ul style="list-style-type: none"> • Dua pengkarya • 10 pembuat kuih, • 100 komuniti PPR 		<ul style="list-style-type: none"> • Basikal tua • Bekas penyimpanan • Loceng • Kuih-muih • Ink stamp

	<p>CARTA ALIR PENGKARYAAN BMS 2021 SENI DI LOKASI:</p> <pre> graph TD A["(1-2 bulan sebelum): Menganalisis beberapa pembuat kuih dan mengambil tempahan berbawang dari mereka. Contoh kuih: kuih ketayap, kuih koci, puding raja, puteri manis, kuih lapis, nona manis, cucur batat, etc."] --> B["(1-2 bulan sebelum): Juga menganalisis beberapa tempat PPR (target area)"] B --> C["(2-3 bulan sebelum): Pada masa yang sama, persiapan untuk menyiapkan dan mendekorasi basikal dan material yang berkaitan (karya)"] C --> D["(semasa): Kuih yang telah siap ditempat akan diletakkan di dalam bekas polisterene besar dibelakang basikal"] D --> E["(semasa): Sesiapa yang membuat kuih akan berbasiikal ke tempat PPR yang telah diketahui dan direkodkan untuk dokumentasi"] E --> F["(The Performances): Pengkarya akan berbasiikal ke tempat PPR yang telah diketahui dan direkodkan untuk dokumentasi"] F --> G["(semasa): Bertemu komuniti dan memberi kuih secara sistem barter kepada komuniti tersebut (dengan SOP yang dibenarkan)"] G --> H["(Informal Education): Sistem barter yg digunakan tidak melibatkan wang ringgit tetapi mereka perlu memberikan tanda sokongan mereka dengan stamp cap jari"] H --> I["(The Arts): Cap jari sama ada di bekas polisterene atau di basikal itu sendiri"] I --> J["(semasa): Pulang ke tempat asal. Proses pengkaryaan yang direkodkan akan digunakan untuk pameran bersama-sama material"] </pre>				
Plan Projek (how)	<p>Cemilan Petang 2021 kepada tiga fasa utama iaitu</p> <p>Pre-project : memberi tempahan kuih kpd 10 orang pembuat kuih, meninjau kawasan PPR yg berdekatan seksyen 7, Shah Alam</p> <p>Current-Project : mengambil tempahan yang dah siap dan menaiki basikal ke kawasan PPR untuk memberi kuih tersebut. Sambil bertukar dgn cap jari mereka. Proses akan direkodkan</p> <p>Post-project: video, gambar dan semua material akan didokumentasikan dan dipamerkan.</p>	<p>Mencari dan mengambil maklumat pembuat kuih, dan komuniti PPR.</p> <p>Bertemu, berkomunikasi dan berinteraksi dgn komuniti mereka</p> <p>Merekod, mengambil gambar setiap proses</p>	<ul style="list-style-type: none"> Dua pengkarya 10 pembuat kuih, 100 komuniti PPR Wakil Balai Seni 	<p>Dokumentasi perlu disimpan dengan baik untuk tujuan references dan boleh ditambah baik pada masa akan datang</p>	<ul style="list-style-type: none"> asikal tua Bekas penyimpanan Loceng Kuih-muih ink stamp kamera/ handphone

TAJUK PROJEK/KARYA: CEMILAN PETANG, 2021

LATARBELAKANG PROJEK/KARYA: Projek seni ini merupakan hasil gabungan idea dua orang pengkarya yang mengetengahkan isu kesan pandemik kepada ekonomi dan masyarakat setempat melalui ‘informal education’ dalam bentuk penyampaian ‘art performance’.

TARGET AUDIENCE: 10 orang peniaga kecil (pembuat kuih), 100 orang komuniti PPR

KONSEP IDEA (WHAT): Projek/karya seni ini dilaksanakan adalah untuk mengemukakan:

- 1- konsep projek/karya seni ini adalah bersandarkan seni komuniti yang akan melibatkan komuniti (**participatory art**) setempat iaitu komuniti pembuat kuih & komuniti PPR (perumahan rakyat yg susah) di sekitar Shah Alam, Selangor.
- 2- konsep projek seni adalah ingin menyampaikan, menambah nilai yang positif sekaligus memberi pendedahan kepada komuniti setempat dan input kepada mereka mengenai seni itu sendiri (**informal education**)

CERITA /CONTENT (WHY):

Problem Statement/ Penyataan Masalah:

Pada waktu pandemik dan kegawatan ekonomi ini, kami memberi respons terhadap kesan kepada rakyat marhaen yang terjejas dari aspek sumber makanan & pengangkutan. Maka projek ini menjawab konsep 1 diatas.

- i. Makanan: Kami memilih kuih-muih tradisional kerana ia sangat dekat dengan komuniti lokal setempat. Ia juga sebagai gambaran kepada kesusahan rakyat dan simbolik makanan tradisi masyarakat pelbagai kaum di

Malaysia. Kuih-muih ini walaupun harganya sangat murah tetapi bagi sesetengah golongan susah/miskin terutama yang tinggal di kawasan bandar seperti Shah Alam, **mereka tidak mampu untuk membeli dan menikmatinya setiap hari** kerana mereka tidak ada pilihan melainkan mengutamakan makanan ruji lain yg lebih mengenyangkan. Ekonomi yang gawat ketika ini juga menyebabkan **peniaga-peniaga industri kecil dan sederhana (IKS) turut terjejas** sebagai contoh industri pembuat kuih. Jika tiada ‘demand’ dari pelanggan, sudah pasti mereka juga sukar untuk menampung perbelanjaan harian. Justeru, kami memilih solusi untuk membantu mereka dengan memberi tempahan kuih-muih ini dan setiap satu jenis kuih berlainan tukang pembuat nya. Dengan ini, kami dapat membantu lebih ramai peniaga kecil.

- ii. Pengangkutan: Kami menggunakan basikal tua sebagai gambaran **kegawatan ekonomi** yang disebabkan pandemik COVID-19 telah **menjejaskan pendapatan dan mata pencarian** rakyat Malaysia lagi-lagi golongan susah/miskin yang tidak mampu untuk memiliki kenderaan seperti motor atau kereta.

Dan juga secara tidak langsung kami ingin menyampaikan mesej-mesej yang positif (education) dan memberi pendedahan kepada mereka tentang pengkaryaan seni dan menjawab konsep 2 diatas.

- i. **The Art of Giving:** Memberi semangat kepada mereka (komuniti pembuat kuih) untuk menjana pendapatan, meringankan beban, dan menjadi pengantara untuk berkongsi rezeki serta meraikan komuniti yang lain (komuniti PPR)
- ii. **As a form of Ibadah:** kami percaya sebagai muslim, Islam mengajarkan kita untuk bersedekah; memberi makan kepada saudara/anak yatim piatu/fakir miskin. Malah, menggembirakan mereka dan memudahkan urusan mereka juga salah satu darinya. Dan kami juga percaya walaupun berbeza anutan agama, setiap agama meraikan kebaikan walaupun sekecil-kecil perkara.
- iii. **The Sustainability Development Goals (SDG) by United Nation:** kearah membina komuniti lestari tahun 2030, kami menyahut seruan dari UN untuk menyampaikan tiga SDG iaitu:

SDG 1 (no poverty): Mencegah kemiskinan dengan membantu menjana pendapatan dan ekonomi komuniti yang dalam kesusahan.

SDG 3 (good health, well-being): kesihatan dan kebajikan ini dalam konteks menjaga kesihatan mental iaitu kami meringankan beban, memberi peluang kepada mereka menjana ekonomi serta sosial dan berkomunikasi antara satu sama lain.

SDG 13 (climate action): tindakan menjaga alam sekitar dalam konteks projek ini adalah berbasikal dimana kami memilih berbasikal berbanding kenderaan bermotor yang lain. Walaupun basikal tua itu kami gambarkan sebagai sistem ekonomi yang mula lumpuh, berbasikal juga dapat membantu mengurangkan kadar karbon dioksida dan gas yang berbahaya kepada alam sekaligus memberi kesedaran untuk turut menjaga kesihatan tubuh badan.

Sebagai tukaran dari pemberian kuih tersebut, kami tidak menerima wang ringgit tetapi hanya meminta mereka untuk memberikan stamp **cap jari** (fingerprints). Cap jari yang merupakan salah satu teknik cetakan (printmaking) ini kami gambarkan sebagai identity komuniti di situ sebagai tanda sokongan (likes) kepada projek ini. Ini juga sebagai satu simbol fenomena pengaruh media sosial yang mana sudah menjadi trend warganet/netizen untuk mengumpul 'likes' setelah memuatnaik gambar atau video mereka di laman sosial. Walaupun dalam situasi negara yang tidak stabil, rakyat masih bersatu (**unity**) membantu satu sama lain, sesuai dengan hashtag #KitaJagaKita.

Kami mencadangkan masa yang sesuai untuk melaksanakan projek ini iaitu pada **waktu petang**. Ini kerana waktu petang adalah waktu kebiasaan masyarakat pulang dari kerja. Waktu yang sesuai untuk mereka bersantai, beriadah dan berehat sambil menikmati makan petang (kuih-muih). Waktu begini juga sesuai untuk berinteraksi/komunikasi dengan kejiranannya. Oleh itu, waktu petang lebih mudah untuk menarik perhatian mereka mendekati dan mengenali proses pengkaryaan seni ini.

Secara ringkas, proses memberi tempahan kuih kepada golongan IKS dan memberi dan berkongsi rezeki kepada mereka

golongan yang susah ini kami ertikan sebagai **Community** manakala proses pengkarya dari mula memberi tempahan kuih, mengayuh basikal ke kawasan PPR yang terjejas akibat pandemik dan memberi kuih tersebut kepada mereka; kami ertikan sebagai satu proses **Performances** dan juga input mereka dapat sebagai **Informal Education**. Output yang diperolehi iaitu cap jari mereka adalah **Art** sebagai tanda sokongan dan identiti dari komuniti tersebut kepada pengkaryaan ini. Seluruh proses ini akan dirakam video dan diambil gambar untuk tujuan dokumentasi dan dipamerkan.

BENTUK KARYA DI LOKASI (WHERE AND HOW):

Lokasi yang kami cadangkan adalah sekitar **Seksyen 7, Shah Alam Selangor**. Antara sebab kami memilih lokasi ini adalah kerana kami bergerak secara duo/berkumpulan dan sepakat untuk memilih satu tempat pengantara yang memudahkan kami untuk melaksanakan projek ini. Dan antara sebab-sebab yang lain:


- iv. **Bandar/Urban:** Masyarakat bandar kebanyakannya sukar untuk mendapatkan variasi kuih-muih tradisional kerana faktor kos harga bahan mentah yang tinggi dan mahal berbanding masyarakat yang tinggal di kampung
- v. **Ekonomi:** negeri Selangor antara negeri yang tertinggi kes COVID-19 dan telah mengalami fasa PKP/MCO yang lama. Justeru, sudah pasti komuniti di negeri ini yang teruk terjejas kesihatan mental dan kegiatan ekonomi nya lebih-lebih lagi IKS. Dengan melaksanakan projek seni komuniti ini, sekurang-kurangnya kami dapat membantu meringankan beban peniaga-peniaga kecil (komuniti pembuat kuih).
- vi. **Pusat ilmu:** Shah Alam adalah tempat kami menuntut ilmu dan dengan ilmu yang kami perolehi, kami ingin menabur bakti kembali kepada masyarakat setempat di kawasan ini.

Tetapi, sekiranya tempoh LOCKDOWN ini berterusan sehingga hujung tahun dan membataskan perlaksanaan projek ini, kami mencadangkan pilihan lokasi kedua iaitu di Sungai Petani, Kedah (tempat asal Muhammad Syafiq). Sebarang perubahan plan projek akan bergantung kepada situasi semasa.

LAKARAN GAMBARAN LOKASI & PROJEK SENI KOMUNITI:




Gambar contoh kawasan PPR di sekitar Seksyen 7, Shah Alam



Gambaran pergerakan projek seni komuniti ini bermula dari kediaman pengkarya ke kawasan PPR di Seksyen 7, Shah Alam

Sketch 1


Gambaran basikal tua & beg sebagai
bekas untuk diletakkan kuih muih



Lakaran basikal tua & bekas kuih

Sketch 2

Contoh kuih-muih yang akan diberikan kepada komuniti




Terdapat kepelbagaian kuih-muih didalam setiap bungkusannya

Lakaran kepelbagaian jenis kuih-muih tradisi yang akan diberikan kepada komuniti


Sketch 3

Gambaran proses sejak tu memberi bantuan kepada komuniti




Lakaran suasana ketika bertemu, berinteraksi dan memberi kuih kepada komuniti

Plan Projek: Time line – perancangan perlaksanaan projek seni Cemilan Petang, 2021



KONSEP IDEA:



CARTA ALIR PENGKARYAAN BMS 2021 SENI DI LOKASI:

